



PARA mahasiswa merakam gambar kenangan bersama Siringan dan rombongan dengan warga SK Sagindai serta penduduk Kg Sagindai.

Motivasi murid menuju kecemerlangan

► Program 'Step To Thousand Siswa Ke Desa' tingkat kemahiran insaniah

Oleh JAINUDIN NASIR

PROGRAM 'Step To Thousand Siswa Ke Desa' bukan sahaja mampu meningkatkan kemahiran insaniah para mahasiswa malah memberi motivasi kepada murid-murid SK Sagindai, Ranau menuju kecemerlangan.

Program selama tiga hari itu merupakan anjuran Universiti Malaysia Kelantan bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan SK Sagindai serta penduduk Kg Sagindai baru-baru ini. Inisiatif menganjurkan program seumpama itu dapat membantu mahasiswa menyelami dan melihat sendiri perbezaan ke-

hidupan masyarakat di Ranau terutamanya di Kg Sagindai dengan kehidupan mereka.

Menerusi program itu juga memberi ruang dan peluang kepada 23 mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan dan 11 dari UMS menyesuaikan diri dengan pelbagai keadaan.

Sambil memuji kejayaan menganjurkan program itu, Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat yang juga Adun Paginatan Datuk Siringan Gubat menyifatkan kejayaan itu sebagai satu bukti kerjasama bersepadu serta jalinan erat diantara institusi



SIRINGAN berucap merasmikan penutupan program berkenaan.



SIRINGAN menerima cenderahati disampaikan Penyelaras Program Nur Asyikah.

pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

"Saya telah difahamkan bahawa program ini adalah berkonsepkan keluarga angkat di mana para mahasiswa ditempatkan di rumah penduduk kampung yang menerima mereka sebagai anak angkat. Ia amat baik kerana para mahasiswa dapat berinteraksi dan lebih kenal-mengenal dalam suasana mesra sebagai satu keluarga. "Syabas dan tahniah kepada para

peserta dan kepada warga SK Sagindai, ketua kampung, JKKK serta penduduk Kg Sagindai kerana menyahut cabaran untuk membantu mengendalikan program ini dengan jay-



SEORANG mahasiswi (kiri) menyampaikan cenderamata kepada wakil keluarga angkatnya.



ANGGOTA rombongan Siringan bersama penduduk dan para mahasiswa pada majlis penutupan program itu.

anya," katanya. Siringan percaya dan yakin program sedemikian membawa faedah yang amat besar kepada pelajar dan warga Kg Sagindai.



SIRINGAN berkenal mesra dengan para peserta program.

Beliau berharap program sumpamanya dapat dianjurkan secara berterusan dengan memilih kampung lain sebagai lokasi mengadakan aktiviti pada masa akan datang.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah membuat

kajian rintis mengenai halangan yang dihadapi penduduk, gotong royong membersihkan dan mence-rikan bangunan serta kawasan SK Sagindai, program motivasi kepada pelajar, sukaneka dan Kenduri Rakyat.



PARA peserta program Step To Thousand Siswa Ke Desa merakam gambar bersama Siringan dan rombongannya.



KETIBAAN Siringan disambut mesra oleh para mahasiswa dan penduduk Kg Sagindai.



SALAH seorang mahasiswa menyampaikan cenderahati kepada keluarga angkatnya.